



TERBITAN
06

2021
12 FEB

SIDANG REDAKSI

Penerbit:
**Program Kajian Sejarah
dan Serantau, Penang
Institute**

Penasihat:
Ooi Kee Beng

Penyunting:
Izzuddin Ramli

Penolong Penyunting:
**Nidhal Mujahid
Sheryl Teoh**

Pereka Grafik:
Nur Fitriah

© Hak cipta adalah milik
pengarang.

Segala fakta dan pendapat
adalah di bawah
tanggungjawab pengarang.
Pandangan dan tafsiran
pengarang tidak semestinya
mencerminkan pandangan
rasmi penerbit.

Penerbitan semula karya ini
adalah dengan izin
pengarang.

PENANG
INSTITUTE
making ideas work

10 Brown Road
10350 George Town
Penang, Malaysia

(604) 228 3306
www.penanginstitute.org
suaranadi@penanginstitute.org

SUARANADI

PENANG INSTITUTE

Pembangunan Seni dan Karyawan di Pulau Pinang

Pan Yi Chieh

PULAU Pinang merupakan sebuah bandar yang unik. Jika dibandingkan dengan bandar-bandar besar lain di rantau ini, Pulau Pinang memberi peluang kepada masyarakatnya untuk menjadi lebih dekat dengan objek-objek harian. Jika kita menapak ke pelbagai tempat di negeri ini, kita akan bertemu dengan masyarakat terutamanya golongan tua yang sangat intim dengan objek-objek harian di sekitar mereka.

Di sini, masyarakatnya sudah terbiasa untuk mengitar semula atau “membaiki” pelbagai objek harian seperti perabot dan sebagainya hanya dengan menggunakan kemahiran sendiri. Daripada dibuang, objek-objek harian ini seakan-akan diberikan hayat kedua atau malah ketiga. Sekilas pandang, mungkin tidak ada apa yang istimewa daripada segala pengalaman ini. Namun demikian, ianya mencerminkan keupayaan masyarakat untuk menghubungkan dan memperbetulkan benda-benda, baik antara objek mahupun manusia.

Boleh dikatakan bahawa ciri-ciri unik ini mungkin terbentuk daripada latar belakang sejarah dan sosial serta kedudukan Pulau Pinang sebagai sebuah negeri separa-bandar. Tidak seperti bandar-bandar antarabangsa lain, Pulau Pinang memiliki akses yang sangat

terhad terhadap sumber-sumber dan komoditi awam.

Biarpun banyak kegiatan utama masyarakat global pada hari ini sudah beralih ke atas talian dengan wujudnya konsep e-dagang, masyarakat di negeri ini secara umumnya masih sedikit perlahan dalam mengikuti perkembangan ini. Dalam erti kata lain, kitaran sumber-sumber nyata (tangible) dan tidak nyata (intangible) masih tidak mencapai tahap yang optimum.

Jadi, apakah kaitan ciri-ciri terhad bandar Pulau Pinang ini dengan sektor seni dan kreatifnya? Dengan mengambil kira perkembangan sektor seni dan kreatif semasa, tulisan ini cuba untuk menghuraikan kekuatan Pulau Pinang dalam aspek kreativiti melalui pemanfaatan budaya kehidupan masyarakatnya.

Kehidupan Bandar Pulau Pinang Sebagai Sumber Kreativiti

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, kerajaan negeri Pulau Pinang bertungkus-lumus dalam membangunkan sektor seni dan kreatif. Pelbagai usaha telah dilakukan bagi mengangkat kegiatan yang

sering dianggap sebagai sampingan ini ke tahap yang lebih tinggi. Selain mengadakan pelbagai bentuk perbincangan bersama pelbagai pihak berkepentingan, usaha untuk menambah baik ekosistem seni dan kreatif di negeri ini turut dilakukan melalui pembentukan dasar-dasar yang berkaitan.

Penulisan ini tidak bermaksud untuk mengambil mudah atau memanfaatkan kekurangan yang ada di sesebuah bandar seperti Pulau Pinang. Sememangnya cabaran-cabaran yang dihadapi terutama dalam aspek penyampaian perkhidmatan yang perlahan tidak boleh diabaikan. Sudah pastinya kehidupan harian akan menjadi sukar jika teknologi dan perkhidmatan di sesebuah tempat itu tidak mencapai tahap yang memuaskan.

Biarpun ketiadaan ekosistem yang kukuh sering dianggap sebagai kelemahan utama yang dihadapi oleh Pulau Pinang dalam membangunkan sektor seni dan kreatifnya, negeri ini sebenarnya memiliki kekuatan lain. Kekuatan ini tidak lain tidak bukan terletak pada gaya hidup masyarakatnya yang agak perlahan serta hubungan intim mereka dengan alam persekitaran, baik dengan objek, manusia, mahupun landskap.

Jika hal ini direnung dari sudut pandang sektor seni dan kreatif, maka persekitaran yang terhad ini sedikit sebanyak mampu menyediakan ruang yang baik untuk pengembangan bakat dan kemahiran para seniman dan karyawan. Persekitaran sebegini juga menggalakkan masyarakat untuk menjadi lebih hemat dalam aspek perbelanjaan harian mereka.

Dalam aspek ruang, kita juga akan lebih berkira-kira dan tidak akan mudah untuk menukar ganti barangan lama kepada yang baharu. Logik perbelanjaan atau penggunaan barangan secara sementara merupakan logik konsumerisme yang sedaya upaya cuba untuk memendekkan jangka hayat sesuatu produk bagi menggalakkan lagi pembelian. Malah, logik sebegini juga telah mendatangkan pelbagai masalah terhadap alam sekitar, baik pada peringkat setempat mahupun global.

Namun ironinya, di sesetengah bandar global, tabiat perbelanjaan seperti ini sedikit sebanyak telah menyediakan

suatu ruang yang baik bagi membangunkan lagi ekosistem seni dan kreatif. Di tempat-tempat ini, para karyawan dan rantaian penawaran amat diperlukan bagi menghasilkan produk-produk baharu.

Persekitaran yang terhad ini sedikit sebanyak mampu menyediakan ruang yang baik untuk pengembangan bakat dan kemahiran para seniman dan karyawan.

Tambahan lagi, pergerakan hidup yang perlahan telah menggalakkan para karyawan memiliki masa yang lebih untuk meneroka hubungan-hubungan yang mendalam dengan produk-produk seni ciptaan mereka. Kelebihan ini mungkin sukar untuk ditemui di bandar-bandar besar lain. Oleh yang demikian, cabaran-cabaran yang dihadapi oleh Pulau Pinang adalah untuk mengekalkan kekuatan-kekuatan dan keanjalannya di samping mewujudkan dasar-dasar yang lebih sesuai dengan tuntutan semasa.

Mengekalkan Hubungan Sedia Ada dan Menggalakkan Inovasi

Secara umum, masyarakat Pulau Pinang boleh dikatakan terkenal dengan sikap “berjimat-cermat” terutamanya dalam aspek perbelanjaan. Walau bagaimanapun, sikap ini sering difahami dalam erti kata yang mudah. Buktinya dapat diperhatikan melalui cara mereka melihat dan memaknai objek warisan. Sesungguhnya, hubungan manusia dengan warisan adalah rumit untuk difahami kerana warisan adalah objek-objek yang mengandungi hubungan manusia dengan segala ingatan dan masa.

Sejak beberapa dekad yang lalu, kerajaan negeri Pulau Pinang telah membangunkan dasar warisan bagi meneroka dan memelihara hubungan dinamik ini. Kita sering mendengar tentang konsep “pemuliharaan”. Konsep ini merupakan konsep yang penting kerana pemuliharaan warisan sangat berkait rapat dengan budaya dan sejarah.

Namun, ada sesetengah pandangan yang menganggap bahawa warisan sebagai tidak lebih daripada suatu bentuk “nostalgia”. Ada juga pandangan lain yang menganggap konsep ini sebagai suatu bentuk pemusnahan.

Jika kita gandingkan keadaan-keadaan ini dengan hubungan antara manusia dan objek seperti mana yang telah disebutkan di atas, maka kita mungkin boleh mengaitkannya dengan sikap umum masyarakat Pulau Pinang terhadap objek-objek dan sumber-sumber yang ada di sekitar mereka.

Nostalgia dan warisan juga boleh dianggap sebagai salah satu cara untuk melawan budaya konsumerisme global yang bergerak dengan sangat pantas.

Walaupun sering dimaknai secara negatif, perkataan nostalgia memiliki makna sikap “berjimat-cermat” ini. Ianya sering difahami sebagai perkara yang wujud dalam persekitaran yang kurang daya pandang terhadap masa depan. Oleh yang demikian, pendekatan yang sering digunakan adalah dengan mengekalkan hubungan sedia ada (antara manusia dan objek warisan) berbanding dengan membangunkan yang baharu.

Tambahan lagi, nostalgia dan warisan juga boleh dianggap sebagai salah satu cara untuk melawan budaya konsumerisme global yang bergerak dengan sangat pantas. Dari sudut pandang ini, daripada membuang barang-barang

begitu sahaja, lebih baik jika kita memperbaiki dan mengekalkan hubungan manusia dengan objek sedia ada. Usaha ini sudah pasti memerlukan keberanian dan pengetahuan. Hal ini demikian kerana membaik pulih sesuatu warisan seringkali memerlukan keupayaan dan pengetahuan yang tinggi kerana ia melibatkan pelbagai tempoh sejarah.

Cabaran yang dihadapi oleh Pulau Pinang dalam memelihara warisannya adalah untuk bergerak lebih jauh ke dalam emosi nostalgia ini. Nostalgia itu sendiri mampu untuk menghidupkan hubungan dinamik dalam usaha untuk menafsirkan masa lalu dan membangunkan identiti setempat. Jika tidak, warisan hanya akan menjadi tidak lebih daripada produk pelancongan berskala besar. Kita perlu menerokainya dengan lebih mendalam agar ia kemudiannya mampu untuk menjadi sumber kreativiti dalam membangunkan sektor seni dan kreatif.

Justeru, amat penting untuk Pulau Pinang membangunkan dasar-dasar dalam memperkukuhkan sektor ini di samping menghargai kreativiti dan keanjalan para karyawan yang menetap di Pulau Pinang. Biarpun saiz negeri ini kecil, Pulau Pinang sudah tentunya memiliki kekuatan dalam menghargai objek-objek di persekitarannya.

Negeri ini sangat beruntung kerana mampu untuk menggabungkan atau memperbaiki pelbagai idea daripada pelbagai budaya dan cara hidup dalam menghasilkan produk-produk baharu. Menjadi kecil bukan bermakna lemah. Ianya mampu menjadi indah dan boleh menjadi sumber kekuatan jika kita tahu akan nilainya.



Pan Yi Chieh merupakan seorang penyelidik di Program Kajian Warisan dan Bandar, Penang Institute. Bidang kajian beliau termasuklah budaya dan seni, transformasi bandar, dan masyarakat rentan.